

# Garis panduan peraduan SMS ikut syarak siap 2 minggu lagi

**K**UALA LUMPUR: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dijangka selesai menyediakan garis panduan berhubung peraduan khidmat pesanan ringkas (SMS) yang perlu dipatuhi dalam tempoh dua minggu lagi.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz, berkata pihaknya berharap penyediaan garis panduan itu akan membantu memudahkan pihak industri memahami prosedur peraduan yang menepati syarak.

Katanya, beliau memuji keprihatinan Celcom (Malaysia) Berhad yang merujuk masalah itu kepada Jakim dan berharap lebih banyak pihak mendapatkan pandangan Jakim sebelum memperkenalkan sebarang peraduan membabitkan SMS.

Beliau berkata, keputusan Panel Kajian Syariah Jakim berkenaan pengharaman itu secara tidak langsung turut membabitkan semua syarikat telekomunikasi yang menyediakan peraduan yang menyamai Peraduan '100 hari 100 kereta'.

"Jakim akan membantu Celcom menyediakan promosi pertandingan yang lebih baik bagi menggantikan peraduan yang diharamkan itu dan kita juga bersedia memberikan khidmat yang sama kepada mana-mana syarikat," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd Tamyess Abdul Wahab, berkata penganjur peraduan seumpama itu digesa menggubal konsep serta terma peraduan mereka supaya menepati garis panduan yang akan ditetapkan Jakim.

"Hari ini kita dapati terlalu banyak peraduan yang mempunyai unsur itu dan kita berharap menganjur menggubal semula peraduan mereka bagi memastikan tiada unsur perjudian yang menyebabkan mereka menerima nasib yang sama," katanya.

Mufti Johor, Datuk Nooh Gadut, berkata pihaknya berpendapat kebanyakan peraduan SMS kini mengandungi unsur yang diharamkan seperti gharar iaitu unsur tidak jelas (mengelirukan), perjudian, memper-taruhkan nasib, kezaliman (eksploitasi) ser-

ta pembaziran.

Katanya, badan agama sentiasa memantau isu itu dan mengambil tindakan menciónannya dengan menjadikan tindakan undang-undang (fatwa) sebagai jalan terakhir selepas proses rundingan nasihat tidak berhasil.

Sementara itu di MELAKA, seorang pelanggan Celcom meminta syarikat itu mengembalikan semula wang yang digunakannya untuk menjawab 11 soalan sepanjang 12 hari mencuba nasib dalam 'Peraduan 100 Hari 100 Kereta'.

Ahmad Zuraidi Rasid@Mustafa, 36, dari Bukit Rambai, mendakwa menjadi mangsa peraduan itu sehingga terdorong menghabiskan RM1,450 menerusi pembelian kad pra bayar semata-mata untuk mengumpul mata kesejuta untuk melayakkannya memenangi sebuah Toyota Camry 2.0E 1AZ-FE.

"Saya kini berasa tertipu dengan peraduan itu kerana tepat pada 13 Jun lalu, saya yang sudah disahkan mengetuai senarai peraduan dengan mengumpul mata tertinggi iaitu 454,270 ketika itu diberitahu peraduan itu ditangguhkan," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Akibat tidak puas hati, beliau membuat laporan polis di Balai Polis Melaka Tengah dan seterusnya membuat tuntutan di Pejabat Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia cawangan Melaka di Ujong Pasir, dekat sini.

“**Jakim akan membantu Celcom menyediakan promosi pertandingan yang lebih baik bagi menggantikan peraduan yang diharamkan itu**”

**Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz**  
Ketua Pengarah Jakim